

Perancangan Penjagaan Awal (ACP)

Rancanglah penjagaan kesihatan
dan peribadi anda



Apakah Perancangan Penjagaan Awal?

Perancangan Penjagaan Awal (ACP) adalah sebuah proses untuk merancang penjagaan kesihatan dan peribadi anda untuk masa hadapan.

Sekiranya anda sakit tenat dan tidak mampu berkomunikasi atau membuat keputusan mengenai rawatan anda, Perancangan Penjagaan Awal anda boleh membantu pasukan perubatan dan jurucakap dilantik anda untuk membuat keputusan yang terbaik demi kepentingan anda.



Mengapa ACP penting?

Adakalanya kita menghadapi krisis perubahan yang menjejaskan keupayaan kita untuk membuat keputusan sendiri. Dalam keadaan begini, kita memerlukan bantuan orang yang kita sayangi untuk membuat keputusan tentang kesihatan dan penjagaan peribadi kita.


Sekiranya ini berlaku, ACP dapat membantu anda menyampaikan nilai dan pilihan penjagaan kesihatan anda kepada orang-orang yang anda sayangi dan juga pasukan penjagaan anda.

ACP dapat mengelakkan perasaan bersalah, tekanan dan konflik antara orang-orang tersayang kerana pilihan anda akan membantu mereka untuk membuat keputusan penjagaan yang penting untuk anda.



Apa yang disertakan dalam ACP anda?

1




Hal-hal kehidupan

Dengan mengetahui perkara-perkara yang beri makna dalam kehidupan anda, orang-orang yang anda sayangi boleh memahami maksud "mutu kehidupan" bagi anda.

Ini mungkin merangkumi nilai-nilai kehidupan, perhubungan, kegiatan atau hobi.

2



Hal-hal perubatan

Anda boleh tentukan jenis rawatan yang anda inginkan atau yang anda tidak suka.

Topik-topik yang boleh dibincangkan:

- Pilihan untuk mengawal kesakitan
- Apa yang perlu dilakukan sekiranya jantung anda tiba-tiba terhenti.



Sekiranya anda sakit tenat, anda boleh diminta untuk mempertimbangkan:

- Menggunakan rawatan sokongan hidup
- Bagaimana anda ingin dijaga
- Di mana anda ingin menetap pada hari-hari akhir anda

3




Jurucakap Penjagaan Kesihatan Yang Dilantik

Anda boleh melantik sehingga dua orang untuk menjadi Jurucakap Penjagaan Kesihatan yang Dilantik (NHS) anda. Mereka boleh saling memberi sokongan dan kerjasama demi kepentingan dan kebaikan anda.

Sekiranya anda juga membuat Surat Kuasa Berkekalan, pertimbangkan untuk melantik orang yang sama menjadi Jurucakap Penjagaan Kesihatan Dilantik dan penerima kuasa.

Cara-cara untuk membuat ACP anda



LANGKAH 1

Fikirkan apa yang anda mahukan

Apakah mutu kehidupan dan jenis rawatan perubatan yang anda mahukan?



LANGKAH 2

Pilih Jurucakap Penjagaan Kesihatan Yang Dilantik

Jurucakap Penjagaan Kesihatan yang Dilantik merupakan seseorang yang anda percayai untuk menyampaikan pilihan penjagaan anda sekiranya anda tidak dapat melakukannya. Beliau biasanya salah seorang ahli keluarga atau rakan karib anda.



LANGKAH 3

Rekodkan pilihan anda

Buat temu janji dengan pemudah cara ACP untuk merekodkan pilihan anda dalam Perancangan Penjagaan Awal anda.



Imbas kod QR ini untuk mencari pemudah cara ACP
www.aic.sg/care-services/acp-directory



LANGKAH 4

Semak ACP anda

Perancangan Penjagaan Awal anda adalah cerminan diri anda. Jika ada perubahan dalam kehidupan anda, anda mungkin ingin membuat keputusan yang baru.

Sekiranya ada perubahan pada keputusan anda, kemas kinikan ACP anda dan beritahu orang-orang yang tersayang.

Perhatian: ACP anda tidak menetapkan keputusan perubatan pada masa hadapan. Sekiranya anda hilang keupayaan untuk membuat keputusan perubatan, pasukan perubatan anda akan merujuk dan mempertimbangkan ACP anda, dan berbincang dengan orang-orang yang anda sayangi untuk membuat keputusan terbaik demi kepentingan anda.

The Heart of Care



Klik
www.aic.sg



Hubungi
1800 650 6060



Kunjungi
AIC Link

Agensi Penjagaan Bersepadu (AIC) bertujuan untuk mewujudkan masyarakat penjagaan yang bersemangat dan bertenaga supaya orang ramai dapat hidup dengan baik hingga ke usia senja. AIC menyelaras dan menyokong usaha dalam menyepadukan penjagaan supaya dapat mencapai hasil penjagaan terbaik untuk pelanggan kami.

Kami mendekati para penjaga dan warga emas dengan maklumat untuk kekal aktif supaya mereka dapat hidup dengan baik, dan menghubungkan mereka kepada perkhidmatan yang mereka perlukan.

Kami menyokong pihak berkepentingan dalam usaha mereka untuk meningkatkan kualiti penjagaan, dan juga bekerja dengan rakan kesihatan dan penjagaan sosial untuk menyediakan perkhidmatan bagi penduduk yang semakin tua. Usaha kami dalam masyarakat ialah untuk membawa perkhidmatan dan maklumat penjagaan lebih dekat kepada mereka yang memerlukan.